

	<p>KENYATAAN / SIARAN AKHBAR Untuk maklumat lanjut sila hubungi: Bahagian Komunikasi Korporat Perbadanan Putrajaya Tel: 03-8887 7033 Faks: 03-8881 1008</p>
---	---

BENGGEL BACKYARD BUDDY GALAK KOMUNITI KENALI BURUNG DI PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 26 SEPTEMBER 2020 – Bagi memperluaskan aktiviti *urban birding* Putrajaya di kalangan komuniti, Perbadanan Putrajaya (PPj) menganjurkan Bengkel Backyard Buddy bertempat di Taman Botani Putrajaya.

Julung kali didakan, program dengan kolaborasi bersama Jabatan Perhilitan serta Nature Educational Society (NEST) ini bertujuan mewujudkan satu kumpulan yang terdiri dari komuniti tempatan yang peka terhadap pelbagai spesies burung di Putrajaya khasnya dan diseluruh negara amnya. Komuniti *backyard buddy* ini seterusnya dapat memainkan peranan aktif sebagai kumpulan sokongan dalam menjayakan lagi semua program Urban Birding Putrajaya yang dirancang oleh PPJ.

Disamping itu, bengkel ini merupakan projek perintis PPj dalam pembangunan kerjaya warga komuniti sebagai jurupandu '*birdguide*' tempatan yang berpengetahuan dan berkeelayakan pada masa hadapan.

Seramai 50 peserta terdiri daripada komuniti Putrajaya menyertai bengkel ini. Para peserta didedahkan dengan spesies-spesies burung di Putrajaya, cara-cara mengenali dan memerhati burung, penggunaan peralatan seperti binokular serta teleskop dan kaedah membuat *bird bath* di kawasan halaman rumah. Penggunaan aplikasi mobile e-bird turut diperkenalkan dalam usaha merekod kehadiran spesies burung terutama di Putrajaya.

Aktiviti pelancongan berkaitan eco-tourism dijangka akan meningkat dalam abad ke-21 memandangkan trend pelancong kepada alam sekitar dan avifauna. 'Avitourism' ialah antara cabang pelancongan yang dijangka boleh menarik lebih ramai pelancong ke Putrajaya kerana wujudnya pelbagai prasarana untuk mempromosi bandar raya ini sebagai lokasi *Urban Birding* yang pertama di Malaysia.

Putrajaya merupakan sebuah bandar raya yang terancang dan telah menunjukkan pencapaiannya dalam pembangunan yang menitikberatkan keseimbangan alam semulajadi. Ekosistem yang baik di dalam bandar telah menarik kepelbagaian khazanah flora dan fauna. Berdasarkan rekod PPj, Jabatan Perhilitan dan NEST, terdapat lebih daripada 200 spesies burung di Putrajaya.

Keterangan lanjut berhubung Bengkel Backyard Buddy Putrajaya, sila hubungi Pegawai Media PPj, Mohd Fairus bin Mohd Padzil ditalian 03-88877347 / 0193354346



(TENGGU AINA BINTI TENGGU ISMAIL SHAH)

Pengarah

Bahagian Komunikasi Korporat

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 25 September 2020